

R 8815 BAH  
MAHATHIR - MUSA

JOHOR BAHRU, 22 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENANGKIS SEMUA DAKWAAN DAN TUDUHAN DATUK MUSA HITAM TERHADAP BELIAU DAN MENYIFATKAN DAKWAAN ITU SEBAGAI BOHONG SEMATA-MATA.

PERDANA MENTERI MELAHIRKAN RASA SEDIH DAN KESALNYA KERANA BELIAU DIJADIKAN SASARAN UTAMA DI DALAM APA YANG BELIAU SEBUTKAN SEBAGAI PERUTUSAN DATUK MUSA. PERUTUSAN ITU DIMUATKAN DALAM RAKAMAN VIDEO YANG DIJADIKAN BAHAN KEMPEN DATUK SHAHRIR ABDUL SAMAD, CALON BEBAS BAGI PILIHAN RAYA KECIL PARLIMEN JOHOR BAHRU.

SAMBIL MENJAWAB SATU PERSATU DAKWAAN BEKAS TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU DI DALAM RAKAMAN VIDEO BERKENAAN, PERDANA MENTERI MENYOROT KEMBALI DETIK-DETIK HUBUNGAN MEREKA BERDUA PADA MASA LEPAS IAITU SEJAK MEREKA DIPECAT DARIPADA UMNO SEHINGGALAH PERISTINA PADA HARI RAYA PUASA LEPAS.

BERUCAP PADA MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN KIRA-KIRA 1,000 PEKERJA PILIHAN RAYA BN SERTA PARA PENYOKONG PARTI DI SINI MALAM INI, BELIAU MENDEDAHKAN SECARA TERBUKA TINDAK-TANDUK DATUK MUSA SEMASA DI DALAM DAN DI LUAR KERAJAAN DAN PARTI.

+SAYA MASIH ANGGAP DIA (DATUK MUSA) KAWAN, DALAM POLITIK KITA BERLANJAN, DAN MENGAPA MEMBURUK-BURUKKAN NAMA SAYA DALAM SATU PILIHAN RAYA KECIL UNTUK MEMILIH MAKIL RAKYAT?+ TANYA BELIAU. -- LAGI  
0026MST 23 08 88

0607

R 8816 BAH  
MAHATHIR - MUSA 2 JOHOR BAHRU

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DALAM VIDEO ITU, YANG DITONTONINYA HARI INI, DATUK MUSA MENDAKWA BELIAU SEBAGAI DIKTATOR, SEORANG YANG KERAS, SEORANG YANG TIDAK MAHU BERTOLAK-ANSUR DAN MENOLAK KAWAN-KAWAN DATUK MUSA BERTARI RAYA DI SERI PERDANA PADA HARI RAYA PUASA LEPAS.

DATUK MUSA JUGA DI DALAM RAKAMAN VIDEO ITU MENDAKWA PERKARA YANG PENTING DALAM PILIHAN RAYA KECIL KALI INI IALAH KEPIMPINAN DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG MENURUTNYA MENUNJUKKAN ARAH ALIRAN (TREND) KE ARAH KEPIMPINAN DIKTATOR.

PERDANA MENTERI BERKATA DATUK MUSA JUGA DALAM RAKAMAN VIDEO BERKENAAN MENYEBUT KONONNYA MEMINTA SEMUA PENGUNDI JOHOR BAHRU MEMBERI AMARAN SEKERAS-KERASNYA KEPADA PERDANA MENTERI MENGENAI KEBENCIAN TERHADAP KEPIMPINANNYA.

PERDANA MENTERI MENAFIKAN SEMUA TUDUHAN BEKAS TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU, SAMBIL BERKATA APA YANG DATUK MUSA SEBUTKAN ADALAH BOHONG SEMATA-MATA.

+SAYA TAHU APA YANG SAYA KATA ADALAH BENAR DAN SAYA SANGGUP MENJUNJUNG QURAN DAN BERSUMPAH DI DALAM MASJID,+ TAMBAHNYA. -- LAGI  
0028MST 23 08 88

0608

R 8817 BAH  
MAHATHIR - MUSA 3 JOHOR BAHRU

SEBELUM MENJAWAB SATU PERSATU DAKWAAN DATUK MUSA ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MENYOROT KEMBALI BAGAIMANA BELIAU MULA BERKENALAN DENGAN DATUK MUSA YANG SEMASA ITU SETIAUSAHA KERJA UMNO, SAMBIL BERKATA: +SAYA BAIK DENGAN DIA, KERANA KAMI MEMPUYAI PENDAPAT YANG HAMPIR SAMA. SEBAB ITU DIA SECOCOK FIKIRAN DENGAN SAYA.+

PERDANA MENTERI JUGA MENCERITAKAN BAGAIMANA DATUK MUSA DATANG KE RUMAHNYA PADA SATU HARI MEMINTA SOKONGANNYA BAGI MEREBUT JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN UMNO PADA 1981, MENENTANG TENGGU RAZALEIGH HAMZAH.

+MEMANDANGKAN TENGGU RAZALEIGH KETIKA ITU MEMPUYAI SATU +KESALAHAN+ KERANA BELIAU MENYURUH ORANG KELANTAN JANGAN MENYOKONG SAYA, SAYA MERESTUI PERMINTAANNYA DAN BERJANJI AKAN MEMBANTU MENYOKONG BELIAU (DATUK MUSA) SECARA TIDAK TERBUKA. SAYA JUGA MENYURUH PARA PENYOKONG SAYA MENYOKONG BELIAU, MENYEBABKAN BELIAU MENANG.+

+PADA PEMILIHAN 1984, BELIAU BERTANDING SEMULA BAGI JAWATAN ITU DAN SAYA SECARA TERBUKA MENYOKONG DATUK MUSA DALAM UCAPAN DASAR PRESIDEN, SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PERMAKILAN KERANA MEMBERIKAN SEORANG RAKAN YANG BOLEH KERJA DENGAN SAYA.+ -- LAGI  
0030MST 23 08 88

0609

R 8818 BAH  
MAHATHIR - MUSA 4 JOHOR BAHRU

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH BAHAWA PADA MASA ITU BELIAU MENJANGKA TELAH MENDAPAT SEORANG PENGGANTINYA. +SELEPAS 1984, DATUK MUSA MADAH KEPADA SAYA KERANA SAYA TIDAK MEMBUANG TENGGU RAZALEIGH DARIPADA KABINET. SEBAB ITU, DATUK MUSA MELETAKKAN JAWATAN (PADA TAHUN 1986), BUKAN SAYA SINGKIRKAN DIA.+

MENGENAI DAKWAAN DATUK MUSA KONONNYA DATUK SERI DR MAHATHIR SEBAGAI DIKTATOR SEHINGGA MENDAKWA BELIAU (PERDANA MENTERI) SEORANG SAHAJA YANG BERCAKAP DALAM MESYUARAT KABINET ATAU MAJLIS TERTINGGI UMNO WALAUPUN IA PANJANG, BELIAU BERKATA: +TANYALAH SEBARANG MENTERI KABINET ATAU AHLI MAJLIS TERTINGGI UMNO.+

BELIAU JUGA MENYANGKAL TUDUHAN DATUK MUSA KONONNYA PILIHAN RAYA YANG DIADAKAN TIDAK BERMAKNA DEMOKRASI WUJUD DI NEGARA INI.

+DI NEGARA INI, BUKAN SAHAJA BOLEH DIADAKAN PILIHAN RAYA UNTUK MEMILIH HAKIL RAKYAT, PILIHAN RAYA UNTUK MAIN-MAIN SEPERTI YANG DILAKUKAN OLEH DATUK SHAHRIR PUN KITA LAYAN JUGA,+ KATANYA -- LAGI  
0032MST 23 08 88

0610

R 8819 BAH  
MAHATHIR - MUSA 5 JOHOR BAHRU

MENGENAI TUDUHAN DATUK MUSA KONONNYA ALIRAN MASA DEPAN  
KEPIMPINANNYA MENUJU KE ARAH DIKTATOR, BELIAU BERKATA: +SAYA KINI 63  
TAHUN, DAN KALAU DIA KATA TREND MASA DEPAN, ADAKAH DIA BERMAKSUD  
SETAHUN, 10 TAHUN ATAU 15 TAHUN.+

MENGENAI KES TUN MOHAMED SALLEH ABAS YANG DIPECAT JAWATAN KETUA  
HAKIM NEGARA, PERDANA MENTERI BERKATA TUDUHAN-TUDUHAN BELIAU (TUN  
SALLEH) BUKAN MELIBATKANNYA, SAMBIL MENAMBAH: +IA MELIBATKAN  
RAJA-RAJA.+

+DATUK MUSA DAKWA KALAU SAYA SANGGUP BUANG HAKIM-HAKIM, SAYA  
JUGA SANGGUP BUANG RAJA-RAJA.+

+SAYA INGAT SIKAP DATUK MUSA SEMASA KRISIS PERLEMBAGAAN PADA  
1983 DI MANA DIA MEMBENCI KEPADA RAJA-RAJA KHUSUSNYA SEORANG RAJA,  
TETAPI DIA CAP SAYA SEBAGAI NAK MENJATUHKAN RAJA-RAJA.+

MENGENAI KETEGASAN BELIAU, YANG JUGA DITIMBULKAN OLEH DATUK  
MUSA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PEMIMPIN PERLU TEGAS DAN BOLEH  
PEGANG KEPADA CAKAPNYA DAN TIDAK MUDAH DIPENGARUHI. -- LAGI  
0034MST 23 08 88

0611

R 8820 BAH  
MAHATHIR - MUSA 6 JOHOR BAHRU

MENGENAI DAKWAAN DATUK MUSA KONONNYA BELIAU MENOLAK PERMINTAAN  
DATUK MUSA UNTUK MEMBANA +RAKAN-RAKANNYA+ MENZIARAHINYA PADA HARI  
RAYA PUASA LEPAS, PERDANA MENTERI BERKATA ITU TIDAK BENAR. BELIAU  
BAGAIMANAPUN MENOLAK PERMINTAAN DATUK MUSA UNTUK MEMBERI SEMULA  
JAWATAN DALAM PARTI KEPADA PARA PENYOKONGNYA.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA BELIAU TIDAK MENAFIKAN TUNKU ABDUL  
RAHMAN SEBAGAI PEJUANG KEMERDEKAAN DAN TIDAK MENAFIKAN SUMBANGANYA  
KEPADA NEGARA INI, WALAUPUN BELIAU BERBEZA PENDAPAT DENGAN BEKAS  
PERDANA MENTERI ITU.

-- BERNAMA  
0036MST 23 08 88